

Jejak Sinar

Suhaimi Roa
Rashid Noor





Takdir Tuhan (4:33)

Hamba ini tiada lawa
 Pada dinku siapa yang suka
 Ke mana pergi aku dihinia
 Oleh insan tak bertimbang rasa

Beginilah keadaan hamba
 Hendak melihat tidak terdaya
 Walaupun hamba tak melihat rupa
 Cuma kenal pada suara

Beginilah nasib
 Malangnya diriku
 Gelap gelita kurasakan
 Sedih hati tidak tertahan

Niat di hati nak melihat dunia
 Tapi malangnya tidak terdaya
 Itu semua sudah suratan
 Takdir Tuhan apa hendak ku kesalkan

Melodi/Senikata: Rashid Noor

Joget Mencari Teman (3:18)

Menjaring ikan di Pulau Terung
 Jaring direntang dipukul ribut
 Bermula dengan tenung merenung
 Mata bertentang senyum bersambut

Jaring direntang dipukul ribut
 Dapat gelama dan ikan dur
 Kalaupun tuan sudah terpuat
 Janganlah cuma berdiam diri

Tiada gunanya memendam rasa
 Kelak batinmu akan terseksa
 Luahkan hati jangan sembunyi
 Kalau kau malu rugi sendiri

Berterus terang saja padanya
 Apa tersirat di dalam jiwa
 Jangan disimpan usah dipendam
 Kalau tak mahu dir merana

Berdayang sampai ke hujung trti
 Ikan dipunggah bawa ke pekan
 Kalau tercapai hasrat di hati
 Janganlah pula dipersiakan

Ikan dipunggah bawa ke pekan
 Ramai pembeli datang berkunjung
 Bukan ditegah kita berkawan
 Asalkan budi adat disanjung

Melodi/Senikata: Razzi M

Pulanglah Ke Pangkal Jalan (3:08)

Dengar wahai ibu bapa
 Ingiri saya bercerita
 Kisah anak-anak di zaman remaja
 Yang masih dalam sekolah

Mari guru mari tengok
 Ada anak murid hisap rokok
 Beginilah gayanya pelajar
 Bukan maju tapi liar

Bila pulang dari sekolah
 Cari pasangan jalan berdua-dua
 Si lelaki bertindak di telinga
 Kadangkala ponteng sekolah

Begitu juga si perempuan
 Cakap orang tua tidak dibiraukan
 Bawa bungkusan ambil keputusan
 Lari tidur rumah kawan

Jangan biarkan ini berlarutan
 Pulanglah ke pangkal jalan

*Melodi: copyright control
 Senikata: Rashid Noor*

Perih (5:02)

Bermula lara ini
 Biar rahsia di hati
 Apa yang engkau saksi
 Hanya satu tragedi hmm....

Persoalan untukmu
 Adakah engkau mahu
 Melakukan sesuatu
 Mengubah nasibmu
 Itulah aku

Oh...
 Perihnya perjalanan
 Ku heret kelukaan
 Meredahi sengsara
 Keluar dari seksa

Oh...
 Perihnya perjalanan
 Kuheret kelukaan
 Meredahi sengsara
 Dan demi ku rela
 Tempuhi segala
 Untukmu ku rela
 Mengharungi lara
 Demi mu ku rela

Melodi/Senikata: Suhaime Roa

Sirih Dara Bunga Manggar (4:32)

Sirih dara bunga rampai
 Hiasan seri pelamin
 Pilih teman yang sesuai
 Sepadan hidup terjamin
 Adat resam diwarisi
 Ayah ibu merestui
 Adat bangsa dihormati
 Budaya kita disanjung tinggi

Tapak sirih bunga manggar
 Hias majlis hari sekolah
 Suasana mula gegar
 Paluan kompang mengiring
 Tandanya sudahlah sampai
 Hari sejarah mempelai
 Dirai bagaikan raja
 Dan permaisuri hanya sehari

Tertunai janji ikatan pertunangan
 Temyata kini jalinan kasih sayang
 Bersatu hati antara dua insan
 Mencapai impian dan harapan

(Tangisan riang di hari persandingan
 Ibu dan ayah merestui ikatan
 Hasrat yang luhur kini dalam genggam
 Mencari kerlipan dan sinaran)

Kebahagiaan doa dipohonkan
 Berkekalan itu yang dihaajatkan

*Melodi: Razzi M
 Senikata: Kamali Hudi*

Oh Fadilah (3:25)

Jangan persiapkan
 Usiamu yang masih muda
 Kalau kau mencari teman
 Hati-hati dan waspada

Dengar duhai manja
 Jadikan ini pedoman
 Kalau mencari pasangan
 Biarlah bersefahaman

Oh Fadilah
 Jangan engkau terpedaya
 Oleh pujukan
 Serta rayuan
 Didikan agama
 Itu lah paling utama
 Kepada orang tua
 Jangan derhaka

Oh Fadilah
 Kini kau telah dewasa
 Budi pekerti dan bicara
 Sentiasa harus dijaga

Melodi/Senikata: Rashid Noor

Rancakkan Hidupmu (4:35)

Iringkan sedihmu
 Keluar dari pintu
 Hati harubiru
 Hanyalah menyiksamu

Hadirkan impian
 Kau binakan harapan
 Atur masa depan
 Rancakkanlah hidupmu

Apa yang berlaku
 Datang untuk berlalu
 Ruang atau sendu
 Mainan hidupmu

Untuk seketika
 Kau renungkan semula
 Puncamu di dunia
 Ke manakah arah

Tiada akan lestari
 Apa pun situasi
 Harga hidup ini
 Ke destinasi

Tenaga dan mindamu
 Sertakan dengan ilmu
 Singkir segala ragu
 Rancakkan hidupmu

*Melodi: Razzi M
 Senikata: Suhaime Roa*

Mat Motor (3:23)

Malam Minggu anak muda bergaya
 Bawa motor macam jalan dia punya
 Di belakang dia membawa mambang
 Tak sedar bahaya yang mengundang

Motor baru dibeli
 Bawa laju sekali
 Tidak fikir apa akan terjadi

Dia mahu bergaya
 Dengan gadis pacarannya
 Tapi akhirnya masuk hospital pula

Motor baru dibeli
 Bawa laju sekali
 Tidak fikir apa akan terjadi

Tapi harus kau ingat
 Jangan fikir kau hebat
 Pandulah cermat dirimu kan selamat

*Melodi: Copyright Control
 Senikata: Rashid Noor*

Bintang Di Langit Rumput Di Bumi (2:54)

Aku kenal dengannya
 Hanya menerusi suaranya saja
 Hingga terjalin mesra
 Tak dapat lagi berpisah

Aku sayang padanya
 Dengan harapan selalu bersama
 Tapi apakah daya
 Jodohku tiada dengannya

Kerana orang tuanya
 Hanya memandang darjat dan harta
 Aku yang tak berupaya
 Selalu dicerca dihina

Bukan aku tak sudi
 Menerima engkau sebagai isteri
 Engkau bintang di langit
 Aku rumput di bumi

Melodi/Senikata: Rashid Noor

Jalan-Jalan Cari Makan (4:39)

Ayuh kawan kita meronda
 Jalan-jalan cari makan
 Mana saja asal selesa
 Di warung atau restoran

Minta apa yang engkau suka
 Nasi padang nasi rawon
 Nasi amberg enak rasanya
 Sambal goreng dan serunding istimewa

Kalau rasa dahaga
 Minuman tersedia
 Bandung atau kelapa amboi...segarnya
 Yang panas juga ada
 Kopi dan teh halia
 Asal saja semuanya harus dikurangkan gula

Jalan-jalan cari makan
 Dengan kawan-kawan
 Bila sudah kenyang hati rasa senang
 Jalan-jalan cari makan
 Dengan kawan-kawan
 Tapi jangan sampai perut jalan depan

Jalan-jalan cari makan
 Dengan kawan-kawan
 Bila sudah kenyang hati rasa senang
 Jalan-jalan cari makan
 Dengan kawan-kawan
 Tapi jangan jalan laju aku tak kelihatan

*Melodi: Razzi M
 Senikata: Razzi M/Kamali Hudi*



L.A.B
Bridal Couture



Jejak Sinar

suhalim roq
nashid roq



1. Sekapur Sirih ^{0:59}
2. Takdir Tuhan ^{4:33}
3. Joget Mencari Teman ^{3:18}
4. Pulanglah Ke Pangkal Jalan ^{3:08}
5. Perih ^{5:02}
6. Sirih Dara Bunga Manggar ^{4:32}
7. Oh Fadilah ^{3:25}
8. Rancakkan Hidupmu ^{4:35}
9. Mat Motor ^{3:23}
10. Bintang Di Langit Rumput Di Bumi ^{2:54}
11. Jalan-Jalan Cari Makan ^{4:39}

© 2008 Razzi M Productions



Muzika Rekod



Hakcipta terpelihara. Penyiaran, salinan dan penyebaran tanpa izin adalah dilarang.

Penerbit Eksekutif : Salleh Abd Samad
Penerbit : Razzi M
Susunan Muzik / Music Programmer : Razzi M
Jururakam/Adun : Razzi M
Studio Rakaman : Razzi M Studio
Pengurusan Artis : Sabariah Hirna
Pengurusan Senikata : Kamali Hudi
Pengurusan Pemasaran : Syed Feisal
Pemuzik Undangan (Gitar) : Eddie Salim
Penyanyi Latar : Rohaya, A'an, Kadariah
Artis Undangan (Rancakkan Hidup Mu) : Sleenq
Jurusolek : Lynn Abu Bakar / Aisah (L.A.B Bridal Couture)
Jurugambar : Azrin Abdullah
Rekahias & Grafik : Ariffin Abdullah
Edaran : Muzika Rekod
Hak Milik Cipta : Razzi M Production

COMPACT
disc
DIGITAL AUDIO

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

Jejak Sinar

Sunaima Roa
Rashid Noor

© 2008 Razzi M Productions



Muzika Rekod



Hakcipta terpelihara. Penyiaran, salinan dan penyebaran tanpa izin adalah dilarang.

COMPACT
disc
DIGITAL AUDIO

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

1. Sekapur Sirih ^{0:59}
2. Takdir Tuhan ^{4:33}
3. Joget Mencari Teman ^{3:18}
4. Pulanglah Ke Pangkal Jalan ^{3:08}
5. Perih ^{5:02}
6. Sirih Dara Bunga Manggar ^{4:32}
7. Oh Fadilah ^{3:25}
8. Rancakkan Hidupmu ^{4:35}
9. Mat Motor ^{3:23}
10. Bintang Di Langit Rumput Di Bumi ^{2:54}
11. Jalan-Jalan Cari Makan ^{4:39}

Terbitan



© 2008 Razzi M Productions



Muzika Rekod



Hakcipta terpelihara. Penyiaran, salinan dan penyebaran tanpa izin adalah dilarang.

Edaran

Muzika Rekod Supplies

Blk 1, Joo Chiat Road,

#01-1031 Joo Chiat Complex,

Singapore 420001,

Tel 65 67436546 Fax 65 67414243

Email : info@muzika.com.sg

Url : www.muzika.com.sg

COMPACT
disc
DIGITAL AUDIO